

PERENJAK PUNCAK

Hill Prinia

FAMILI: Cisticolidae

NAMA SAINTIFIK: *Prinia atrogularis*

CIRI-CIRI

Bagi individu dewasa luar musim pembiakan, ianya mempunyai bahagian atas kepala yang gelap, hampir tiada kening dan menunjukkan jalur dada yang lebih padat khususnya di bahagian tepi. Individu juvenil sama seperti individu dewasa luar musim pembiakan tetapi bahagian atas badan, ekor dan sayap lebih terang manakala jalur pada dada tidak jelas dan comot.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 15-20.5 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada serangga.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan padang rumput dan belukar, resam atau pakis di kawasan lereng antara ketinggian 900-2,565 m dari aras laut.

BUNYI

Bunyi yang jelas dan kuat, *thew thew thew...* atau lebih cepat, iaitu *thew-thew-thew-thew-thew...* dan *cher-cher-cher-cher-cher...* Spesies ini juga mengeluarkan bunyi yang bernada lebih tinggi, *twi twi-chew...* dan *twi-twi-twi...*

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Mac-Jun. Individu betina boleh menghasilkan 3-5 biji telur berwarna kehijauan atau biru pudar, kadangkala putih atau merah jambu, bertompok merah atau coklat kemerahan. Sarangnya berbentuk seperti bola dengan pintu pada bahagian tepi, dibina pada tumbuhan yang rendah, sehingga 60 sm dari tanah. Sewah Mati Anak, *Cacomantis merulinus*, sering meletakkan telurnya pada sarang spesies ini.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.